

Rujukan: UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 5 (10)



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

**PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 6 TAHUN 2023**

Pejabat Pendaftar
Tarikh: **16 Jun 2023**

Disalinkan kepada:

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Penolong Naib Canselor (Kepimpinan dan Pembangunan)
- Ketua-Ketua PTj

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIMAS/PEND/01-104 Jilid 5 (10)

16 Jun 2023

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 6 TAHUN 2023

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KOS PEMBELIAN CERMIN MATA MENGGUNAKAN BAKI PEMBIAYAAN KEMUDAHAN PERUBATAN ATAU KEMUDAHAN PERGIGIAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf UNIMAS berhubung kemudahan pemberian kos pembelian cermin mata menggunakan baki pemberian Kemudahan Perubatan atau Kemudahan Pergigian UNIMAS.

Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Bil. 3/2023 Ke-64 bertarikh 14 April 2023 telah bersetuju meluluskan syarat-syarat permohonan bagi tujuan pembelian cermin mata secara tuntutan bayaran balik dengan kadar maksimum berjumlah RM350.00. Kos pembelian cermin mata ini akan dibiayai menggunakan baki dalam Kemudahan Perubatan atau Kemudahan Pergigian yang tidak dapat dibawa ke tahun seterusnya. Kemudahan ini merupakan insentif kebijakan baharu yang disediakan untuk staf UNIMAS yang layak. Diharapkan agar insentif ini dapat mendorong staf agar lebih bermotivasi dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Perincian syarat-syarat permohonan boleh dirujuk pada lampiran yang disertakan.

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2023.

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KOS PEMBELIAN CERMIN MATA MENGGUNAKAN BAKI PEMBIAYAAN KEMUDAHAN PERUBATAN ATAU KEMUDAHAN PERGIGIAN

1. Kelayakan

- i. Pemohon merupakan staf yang dilantik secara **tetap atau kontrak** yang berstatus aktif;
- ii. Warganegara Malaysia;
- iii. Kemudahan ini hanya layak digunakan untuk **STAF SAHAJA**. Ibu/Bapa/Penjaga/Anak Kandung/Anak Tiri/Anak Angkat bawah tanggungan staf tidak layak menggunakan kemudahan ini;
- iv. Pemohon hanya layak memohon secara tuntutan bayaran balik (*pay and claim*) untuk **SEPASANG (1) CERMIN MATA SAHAJA** dengan **HAD MAKSIMUM RM350.00** pada satu (1) resit;
- v. Kos pembelian dibiayai menggunakan baki dalam **SALAH SATU** kemudahan sama ada Kemudahan Perubatan atau Kemudahan Pergigian pada tahun permohonan dibuat;
- vi. Pemohon hanya layak membuat tuntutan bayaran balik **sekali dalam tempoh dua (2) tahun**;
- vii. Pembelian cermin mata yang dibenarkan adalah untuk **tujuan rabun penglihatan** dan bukan untuk tujuan hiasan/aksesori diri; dan
- viii. Permohonan untuk tuntutan bayaran balik pembelian lain seperti kanta sentuh/lekap, cermin mata hitam atau aksesori cermin mata adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

2. Kaedah Permohonan

- i. Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan di Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar.
- ii. Pemohon hendaklah memastikan baki dalam salah satu pembiayaan Kemudahan Perubatan atau Kemudahan Pergigian adalah mencukupi dan tidak melebihi had tahunan sebelum mengemukakan permohonan. Baki kedua-dua kemudahan tersebut tidak boleh digabungkan.
- iii. Tuntutan akan diuruskan berdasarkan resit pembelian asal dengan mengepulkan slip pemeriksaan nilai tahap kerabunan daripada mana-mana kedai cermin mata.

Sekian, terima kasih.

Haji Azlan bin Ramli
Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak